

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kes penipuan dalam talian pada tahun 2020 dan 2021, langkah-langkah proaktif Kerajaan bagi menangani kes penipuan tersebut yang meningkat tatkala Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. Apakah boleh status jenayah ini ditukar dari jenayah Komersial kepada jenayah terancang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan ataupun *scam* sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensi berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

Bagi tahun 2020 hingga 31 Julai 2021, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menerima **3,398** aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan. Kesemua aduan akan dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.

Di samping itu, antara langkah proaktif yang diambil oleh MCMC adalah dengan menyekat akses kepada laman palsu yang dikenali sebagai laman *phishing*. Bagi tahun 2020 hingga 31 Julai 2021, sebanyak **960** laman berbentuk *phishing* telah disekat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 558]. Sekatan ini dibuat berdasarkan aduan awam yang diterima serta usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat melalui Internet Banking Task Force (IBTF) yang diketuai oleh BNM.

MCMC juga menjalankan audit pengesahan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesahkan integriti pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar bagi memastikan semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya dan mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya. Sehingga Ogos 2021, sebanyak **1,488,092** talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 989,071 (66%) talian telah ditamatkan perkhidmatannya, sejumlah 488,847 (33%) telah dikemaskini dengan

SOALAN NO: 30

maklumat yang sah dan 10,174 (1%) dalam proses penamatan perkhidmatan.

Selain itu, pihak PDRM juga turut membangunkan aplikasi SemakMule selain laman web yang sama untuk memudahkan masyarakat membuat semakan awal terhadap akaun bank dan nombor telefon yang digunakan oleh sindiket penipuan, sebelum melakukan sebarang transaksi. Satu akaun Facebook iaitu *Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* juga telah diwujudkan bagi berkongsi dan memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan atau jenayah siber dalam usaha bagi membanteras kes penipuan dalam talian ini.

Bagi persoalan apakah boleh status jenayah ini ditukar dari jenayah komersial kepada jenayah terancang, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan bahawa jenayah komersil tidak boleh dikategorikan sebagai jenayah terancang kerana tidak menepati peruntukan di bawah Kanun Keseksaan.

Bab 6B Seksyen 130U Kanun Keseksaan mentakrifkan jenayah terancang adalah terdiri dari jenayah secara berkumpulan yang dikenalpasti siapa perlakunya dengan melakukan jenayah yang lebih serius serta menggunakan senjata bagi mendapatkan sesuatu secara langsung atau tidak langsung. Jenayah terancang lebih kepada jenayah kekerasan yang disiasat oleh Jabatan Siasatan Jenayah manakala jenayah dalam talian adalah jenayah penipuan yang disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang dilakukan oleh individu atau bersindiket (berkumpulan) melalui medium elektronik.